



**BERITA**  
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI



# Majlis Hari KUALITI 2010

**25 Mei 2010** - Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sempena Hari Kualiti 2010 bertanggungjawab untuk melaksanakan strategi universiti agar menjadi lebih berkesan dan tercapai pada matlamatnya. Demikian cabaran yang diberikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan selepas menyampaikan anugerah tersebut di Dewan Besar UTeM Kampus Induk Durian Tunggal hari ini.

Menurut beliau, penerima APC ini terpilih sebagai 10 peratus individu teratas yang menunjukkan prestasi paling cemerlang sepanjang tahun 2009. Mereka ini adalah penyumbang utama kepada kecemerlangan universiti. Oleh itu mereka seharusnya memainkan peranan penting untuk menjadi individu yang menunjukkan keperibadian yang boleh menjadi contoh kepada staf lain.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff juga melahirkan harapan agar kecemerlangan ini dapat diteruskan sampai bila-bila demi memartabatkan kecemerlangan universiti sehingga ke akar umbi. Harapan beliau ini disuarakan selepas menyampaikan anugerah tersebut kepada 130 staf di pelbagai peringkat daripada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) yang telah dipilih untuk tahun ini.

Seluruh warga UTeM mula memenuhi dewan seawal jam 8.30 pagi. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu UTeM Terbilang, lagu Perkhidmatan Awam dan lagu Kualiti. Ini diikuti dengan ucapan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan.

Dalam ucapannya Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff menerangkan proses pemilihan penerima anugerah yang dinilai berdasarkan beberapa aspek tertentu. Penerima APC tahun ini terdiri daripada tiga orang Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) yang diketuai oleh, 51 orang kakitangan akademik, 16 orang kakitangan Pengurusan dan Profesional dan seramai 60 orang kakitangan sokongan dari pelbagai jabatan.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff juga mengambil peluang untuk melahirkan harapan kepada semua staf agar anugerah sebegini dapat dijadikan perangsang kepada semua untuk terus maju ke arah budaya kerja berprestasi tinggi. Beliau turut mengharapkan agar seluruh warga kerja UTeM sentiasa fokus terhadap matlamat dan wawasan universiti selaras dengan sedekad penubuhan UTeM pada tahun ini.

"Sebagai sebuah organisasi pembelajaran yang mengangkat budaya ilmu di peringkat tertinggi, seharusnya kita juga mempunyai pemikiran tinggi yang dapat menterjemah wawasan kepada tindakan. Oleh itu adalah penting agar kita semua dapat membina kapasiti dan kualiti bagi memberi nilai tambah kepada budaya kerja yang diamalkan," tambah beliau lagi.

Majlis disaksikan oleh seluruh warga universiti ini adalah acara tahunan sebagai menghargai prestasi kerja cemerlang yang ditunjukkan oleh kakitangan UTeM sepanjang tahun 2009. Berita@UTeM mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah dan berharap agar kecemerlangan ini dapat diteruskan selaras dengan harapan yang disampaikan oleh Naib Canselor UTeM.

**SEDEKAD KEGEMILANGAN**



LG  
173  
.M44  
.B47  
2010  
a  
May



**KANDUNGAN**

Galas Tanggungjawab Laksana Strategi - 130 Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTeM | Vel Tech Dr. Rr & Dr. Sr Technical University, Chennai-tamilnadu, India | Sma Muhammadiyah 1 Yogyakarta | UTeM - QNU Jalin Hubungan Erat Dalam Bidang It | Ahli IAP Beri Ceramah Eksekutif | Executive Talk Oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik Dan Kualiti, UPSI | MOU UTeM dan OffShore Geosurveys Mendalami Bidang Underwater Technology | UTeM Perkukuh Hubungan Dengan Universiti APEX | Imagine Cup Cabar Imaginasi Dan Kreativiti | ITEX 2010 Memartabatkan UTeM di Persada Antarabangsa | UTeM Sertai Forum Universiti Industri 2010 | HEPA Hargai Jasa Pelajar | KOR SUKSIS UTeM Anjur Program Kemasyarakatan | Lawatan Ke Hong Kong Erat Kerjasama | Pelajar UTeM Sertai Wacana Hubungan Etnik, Budaya Dan Integrasi Malaysia Indonesia | Program Pintar Siri Ii/2010 - Staf Pejabat Bendahari Redah Lautan Port Dickson | UTeM Prihatin Dalam Meringankan Kesengsaraan Di Palestin | SKOR A Lembaga Tabung Haji - UTeM Melengkapkan Persiapan Pelajar SPM | Berita Kelahiran & Perkahwinan | Kempen Lahirkan Warga Sihat Dan Cergas Di UTeM | Personaliti Pilihan





# UTeM TERIMA PELAWAT ANTARABANGSA

## VEL TECH DR. RR & DR. SR TECHNICAL UNIVERSITY, CHENNAI-TAMILNADU, INDIA

Pada 14 Mei lalu, Pejabat Antarabangsa UTeM telah menerima lawatan kerja dari Vel Tech Dr. Rr & Dr. Sr Technical University, Chennai-Tamilnadu, India. Delegasi yang diketuai oleh Canselor universiti tersebut, Dr. R. Rangarajan telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain serta Dekan-dekan daripada beberapa fakulti di UTeM.

Kunjungan tersebut adalah bagi membincangkan peluang-peluang yang boleh diterokai oleh kedua-dua universiti. Perbincangan yang dipengerusikan oleh Dato' Prof. Dr. Mohd Nor tertumpu kepada jalinan kerjasama yang bakal dijalinan dalam bidang kejuruteraan dan ICT. Turut dibincangkan ialah program pertukaran staf dan pelajar bagi menggalakkan perkongsian teknologi terkini. Dalam perkara berkaitan, Canselor Vel Tech mempelawa UTeM untuk sama-sama merangka MoU bagi mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak.



## SMA MUHAMMADIYAH 1 YOGYAKARTA

UTeM semakin mendapat perhatian pelajar-pelajar antarabangsa terutama sekali dari Indonesia. Terbaru pada 25 Mei lalu satu rombongan dari SMA Muhammadiyah 1 Yogyakarta telah berkunjung ke UTeM bagi melihat sendiri kemudahan dan suasana Kampus Induk. Delegasi tersebut terdiri daripada 42 orang pelajar, 3 guru pengiring serta 2 ibu bapa yang turut menyertai rombongan itu.

Taklimat mengenai bidang pengajian yang terdapat di UTeM telah disampaikan oleh Prof. Dr. Nanna Suryana Herman, Pengarah Pejabat Antarabangsa di Auditorium Bangunan Canselori. Para pelajar yang menyertai lawatan tersebut amat kagum terhadap kemudahan yang disediakan serta tertarik dengan bidang pengajian yang disediakan di sini. Meskipun lawatan yang diadakan amat singkat, namun ianya berjaya memperkenalkan UTeM kepada pelajar-pelajar tersebut.

## UTeM – QNU JALIN HUBUNGAN ERAT DALAM BIDANG IT

**13 Mei 2010** : UTeM telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Qinghai Normal University (QNU) China bagi menjalinkan kerjasama erat dalam bidang teknologi maklumat (IT). Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan Presiden QNU, Dong Jiaping telah menandatangani MoU tersebut disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua universiti bertempat di Bilik Mesyuarat Senat Bangunan Canselori.

Menurut Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff, majlis bersejarah ini merupakan langkah penting bagi UTeM untuk mendapatkan pengiktirafan di Negara Tembok Besar itu. Katanya lagi, usaha ini amat signifikan bagi meningkatkan aktiviti pengantarabangsaan ke timur. Melalui MoU ini, beberapa projek yang spesifik akan dirangka termasuklah pertukaran staf dan pelajar antara kedua-dua universiti.

Selain Presiden QNU, turut hadir ke majlis menandatangani MoU tersebut ialah Pengarah Jabatan Akademik QNU, Wang Feng, Pengarah Jabatan Kewangan QNU, Liu Qing serta Timbalan Pengarah Pusat Pertukaran Pendidikan Antarabangsa QNU, Yang Hui.

QNU yang berstatus universiti awam mempunyai 13,000 pelajar yang menuntut dalam pelbagai jurusan termasuk pengajian sumber manusia dan sains komputer yang merupakan bidang utama universiti itu.



### Editor BERITA@UTeM

#### KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

#### PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusof

#### WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

#### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

#### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

#### PENGEDARAN :

Bob Faizeli Bin Mohamed Din  
Al Rohaiya Binti Adanan

#### URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis  
Nor'Emylia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?  
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)






## AHLI IAP BERI CERAMAH EKSEKUTIF

**21 Mei 2010** : Bagi memastikan kelestarian sesebuah organisasi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan haruslah dibangunkan secara konsisten dan lebih berinovatif. Barulah sesebuah penyelidikan dan pembangunan itu akan mampu member impak besar kepada semua pihak. Demikian antara intipati Executive Talk yang disampaikan oleh Dr. Dzaharudin bin Mansor dari Microsoft Malaysia. Beliau yang juga ahli Panel Penasihat Industri (IAP) UTeM menyampaikan ceramah bertajuk 'Research in the 21st Century – A Microsoft Perspective' bertempat di Auditorium Bangunan Canselori. Program ini dianjurkan oleh Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet).

Dr. Dzaharudin semasa menyampaikan ceramahnya berkongsi pengalaman beliau di Microsoft Malaysia mengenai peri pentingnya penyelidikan ke arah kejayaan sesebuah organisasi. Beliau turut mengemukakan contoh-contoh realiti mengenai organisasi yang tidak memanfaatkan aktiviti penyelidikan yang akhirnya kecundang.

Beliau seterusnya menyeru semua hadirin yang rata-ratanya ahli akademik agar mempergiatkan aktiviti penyelidikan demi memartabatkan UTeM setanding dengan universiti-universiti yang telah lama bertapak di rantau ini.



## EXECUTIVE TALK OLEH PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN KUALITI, UPSI

**17 Mei 2010** : Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Executive Talk yang disampaikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik dan Kualiti, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dr. Nagendralingam Ratnavadivel. Tajuk yang telah diperbincangkan adalah "Quality Teaching and Learning in Higher Education: Enhancing The Learning Milieu Through Curriculum Management And Development".

Ceramah ini telah dihadiri seramai 100 staf akademik dan pentadbiran dari UTeM dan dari IPTA dan IPTS sekitar negeri Melaka. Turut hadir adalah Pegawai-pegawai Kanan, Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan fakulti dan Pensyarah.

Beliau juga mengupas mengenai Pembangunan dan Pengurusan Kurikulum. Antara aspek yang perlu diketahui oleh para pendidik adalah mengenai "Learning Theories, Process of Pedagogical Reasoning and Action, and Scholarship of Teaching and Learning".



## MOU UTeM DAN OFFSHORE GEOSURVEYS MENDALAMI BIDANG UNDERWATER TECHNOLOGY

**14 Mei 2010** : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengorak langkah menuju ke arah kecemerlangan dalam bidang penyelidikan. Ini terbukti dengan adanya satu lagi jalinan kerjasama antara UTeM dengan salah sebuah syarikat industri minyak dan gas Malaysia iaitu Offshore Geosurveys Sdn Bhd.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) telah diadakan antara UTeM dan Offshore Geosurveys Sdn Bhd di Menara Getah Asli, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dihadiri oleh barisan pegawai-pegawai kanan dari kedua belah pihak.

Menurut Prof. Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan, memorandum persefahaman ini memberi tumpuan kepada kerjasama antara kedua belah pihak dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang ekstensif berkaitan Underwater Technology khususnya Autonomous Underwater Vehicle (AUV). Beliau turut melahirkan rasa berbesar hati atas kepercayaan yang telah diberikan oleh syarikat Offshore Geosurveys Sdn Bhd atas kepercayaan yang telah diberikan kepada UTeM.



## UTeM PERKUKUH HUBUNGAN DENGAN UNIVERSITI APEX

**3 Mei 2010** : Bertempat di Bangunan Canselori Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang telah berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara USM dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

USM diwakili oleh Naib Canselor Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak manakala UTeM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan. Jalinan kerjasama ini bakal menyaksikan kedua-dua universiti ini bekerjasama dengan lebih erat bagi memajukan bidang penyelidikan.

Prof. Datuk Ahmad Yusoff menyatakan UTeM menjalinkan kerjasama dengan USM melalui tiga bidang utama iaitu kejuruteraan, pengurusan dan ICT. Kerjasama yang dijalinkan adalah sebagai menyahut amanat Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini yang menggalakkan institusi pengajian tinggi mengamalkan sikap keserakanan untuk maju ke hadapan.

Memorandum yang dimeterai itu turut melibatkan latihan dan pembangunan bersama, penyelidikan, pertukaran staf dan perkongsian kemudahan. USM yang memiliki taraf universiti Apex merupakan rakan strategik yang paling sesuai untuk bergandingan dengan UTeM ke arah memantapkan lagi bidang penyelidikan, katanya lagi.



# imagine cup™ | MALAYSIA 2010

## CABAR IMAGINASI DAN KREATIVITI



Pengerusi Imagine Cup yang juga Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan menyatakan bahawa kesedaran dan minat terhadap Imagine Cup semakin meningkat saban tahun dan sambutan yang ditunjukkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) amat menggalakkan. Beliau turut mengulas lebih lanjut bahawa tahap kecanggihan perisian yang dihasilkan peserta semakin meningkat dan ini menunjukkan kematangan mahasiswa dalam pemikiran dan penggunaan teknologi.

UTeM selaku sekretariat penganjuran bagi tahun kedua berturut-turut telah diberi kepercayaan untuk memastikan kelancaran pertandingan akhir dengan menguruskan aktiviti promosi, keperluan logistik dan bantuan teknikal sepanjang tempoh tersebut. Turut disediakan tapak pameran khusus kepada peserta-peserta mempamerkan ciptaan perisian masing-masing kepada umum.

Pertandingan Imagine Cup yang dianjurkan setiap tahun dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Microsoft Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan MDeC menyaksikan ciptaan software (perisian) yang lebih kreatif dan inovatif di pertandingan akhir yang berlangsung di pulau lagenda Langkawi pada 17 – 19 Mei lalu.

Imagine Cup yang menjangkau edisi ke-8 pada tahun ini bertujuan untuk mengembangkan penggunaan teknologi tinggi bagi manfaat sejagat. Ia juga sebagai platform untuk menghubungkan persediaan memasuki sektor industri serta melatih usahawan masa hadapan. Pertandingan sebegini turut berperanan sebagai tapak bagi meningkatkan kemahiran berkaitan industri, kemahiran insaniah, kemahiran teknikal serta pendedahan terhadap alam perniagaan.

Bagi pertandingan tahun ini, peserta diasah dengan pemikiran kreatif dan penggunaan kemahiran teknikal untuk memberi impak positif kepada masyarakat. Tema Imagine Cup 2010 mencabar peserta untuk 'membayangkan keadaan dunia apabila teknologi membantu menyelesaikan masalah paling rumit yang dihadapi hari ini'. Demikian harapan penganjur yang menggalakkan mahasiswa untuk mencapai impian dalam bidang akademik dan profesional berteraskan sains, teknologi dan reka bentuk.

Tiga pasukan daripada UTeM merupakan antara 29 pasukan yang bertanding di peringkat akhir Imagine Cup 2010. Johan telah dirangkul oleh Team HDC dari Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT) yang akan mewakili Malaysia ke pertandingan akhir peringkat antarabangsa di Warsaw, Poland pada bulan Julai nanti.





# ITEX '10

MALAYSIA

## 21<sup>st</sup> INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION AND TECHNOLOGY EXHIBITION



### MEMARTABATKAN UTeM DI PERSADA ANTARABANGSA

UTeM sekali lagi menyertai *International Invention, Innovation & Technology Exhibition* (ITEX 2010) yang ke 21. Pameran ini telah berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula pada 14 hingga 16 April 2010 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Pada pameran ITEX 2010 ini telah mencatatkan lagi sejarah buat UTeM kerana telah berjaya merangkul satu pingat emas, enam pingat perak dan tiga pingat gangsa. Ini memberi jumlah sebanyak 10 pingat terkumpul kesemuanya dalam pameran ini satu jumlah memberangsangkan yang memartabatkan nama UTeM di persada antarabangsa.

Pingat emas tersebut dimenangi oleh Muhammad Herman bin Hj Shukor yang juga seorang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) bersama hasil inovasinya bertajuk *Automated Intelligent Rostrum & Alert System (I-Rostrum)*. Secara peribadinya ini merupakan kemenangan pingat emas buat tiga kali berturut-turut termasuk dalam pameran ITEX pada tahun sebelumnya.

Manakala antara pemenang pingat perak ialah Mazran Esro dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) menerusi produk inovasinya yang bertajuk *Distribution Board Alert System (DBAS)*. Disamping itu hasil produk inovasi bertajuk *RFID Based Inspection System for Assembly Operation (RFID-APIS)* cetusan kreativiti Engineer Lokman Abdullah dari FKEKK turut mendapat tempat di hati para juri dengan menghadihkan pingat perak.

Seterusnya antara pemenang pingat gangsa dalam pameran ini ialah IR Sivarao dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UTeM dengan hasil ciptaan beliau yang bertajuk *Green & Perpetual Power Generator*.

Dengan penzahiran produk hasil daripada bakat dan daya kreativiti yang berinovasi tinggi ini membuatkan booth UTeM tidak pernah reda dikunjungi oleh para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai pihak termasuk pihak industri, staf dan pelajar IPTA & IPTS yang hadir sepanjang tempoh pameran ini.

Turut hadir pada pameran tersebut bagi memberikan sokongan kepada pasukan UTeM ialah Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, dan juga Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof Dr Kadim bin Suaidi yang telah melawat dan melihat booth dan produk pameran UTeM.



## UTeM SERTAI FORUM UNIVERSITI INDUSTRI 2010

27 Mei 2010 : Pegawai-pegawai dari Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet) telah menghadiri Forum Universiti Industri 2010 bertempat di Kuantan Pahang. Forum yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertemakan *Managing Performance for Productive University-Industry* telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Semasa berucap merasmikan majlis itu, Datuk Seri Mohamed Khaled menekankan kepentingan simbiosis universiti dengan industri bagi menjayakan agenda inovasi dan kreativiti negara. Tambah beliau lagi, universiti berperanan dalam aspek 3T iaitu teknologi, talent (bakat) dan toleransi yang mana universiti perlu menghasilkan teknologi mampu mencipta kemakmuran selain memiliki bakat yang menunjangi teknologi.

Turut hadir ke forum itu ialah Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM diiringi oleh Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, iaitu Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi.







## HEPA HARGAI JASA PELAJAR

**4 Mei 2010** : Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM telah mengadakan majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar UTeM 2009 bagi menghargai pelajar dan kelab atau persatuan yang mengharumi nama UTeM dan yang aktif disepanjang tahun 2009.

Hadir menyempurnakan majlis ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Nor Husain yang mewakili Naib Canselor UTeM, serta Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, pegawai-pegawai dan kakitangan HEPA serta lebih 250 orang pelajar.

Anugerah yang disampaikan pada malam tersebut dibahagikan kepada beberapa kategori seperti kebudayaan, kemasyarakatan, keusahawanan, kepimpinan serta anugerah persatuan terbaik.

Program seumpama ini dilihat amat menarik dan memberi motivasi kepada pelajar supaya sentiasa aktif dalam aktiviti kokurikulum tanpa mengabaikan aspek akademik

## LAWATAN KE HONG KONG ERAT KERJASAMA

Seramai 17 orang pelajar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2008/2009 telah mengadakan lawatan ke beberapa buah universiti di Hong Kong pada 10 hingga 14 Mei lepas mengeratkan kerjasama dan persefahaman antara universiti-universiti.

Menurut Pengarah Projek Lawatan, Muhammad Thoriq Mohamad Zaid, antara universiti yang dilawati adalah Hong Kong University of Science and Technology, Hong Kong Polytechnic University dan The University of Hong Kong. Rombongan turut singgah dan beramah mesra dengan pegawai Konsulat Malaysia di Hong Kong.

Turut serta dalam lawatan ini ialah Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Ketua Penolong Pendaftar HEPA Mohd. Nizam Mazlan.

Antara tujuan lawatan ilmiah ini ialah bagi mendedahkan pemimpin-pemimpin pelajar UTeM dengan budaya luar negara dalam menjana pemikiran yang lebih kreatif, kritis dan berpandangan jauh, mengeratkan hubungan antarabangsa dan diplomatik pemimpin pelajar UTeM dengan pemimpin pelajar universiti berkenaan



## KOR SUKSIS UTeM ANJUR PROGRAM KEMASYARAKATAN

Kor Sukarelawan Polis Siswa/siswi (SUKSIS) UTeM telah menganjurkan Program Kemasyarakatan di Masjid Tanah, Merlimau dan Sungai Rambai, Jasin Melaka pada 20 Mei lalu. Seramai 71 anggota kor SUKSIS UTeM terlibat dalam program ini.

Menurut Ajutan Kor SUKSIS UTeM yang juga Ketua Timbalan Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) DSP/KS Zainudin Ahmad, program ini bertujuan mendedahkan ilmu dan pengalaman dalam bidang kepolisan secara mendalam kepada anggota Kor SUKSIS, memberi kesedaran kepada anggota Kor SUKSIS mengenai peranan sebagai seorang anggota polis mencegah jenayah bersama masyarakat dan berusaha menurunkan kadar jenayah ketahap yang lebih minima.

Antara program yang dijalankan adalah mengadakan ronda cegah jenayah berjalan kaki di taman-taman perumahan di Masjid Tanah dan Sungai Rambai, pengawal lokap di IPD Alor Gajah, mengadakan sekatan jalanraya di Masjid Tanah dan Sungai Rambai, mengadakan gotong royong di Pengkalan Balak serta mengadakan sukaneka di JKK Kampong Seri Tanjung, Masjid Tanah.



## PELAJAR UTeM SERTA WACANA HUBUNGAN ETNIK, BUDAYA DAN INTEGRASI MALAYSIA INDONESIA

Seramai 37 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang mengambil mata pelajaran Hubungan Etnik telah menghadiri Wacana Hubungan Etnik, Budaya dan Integrasi antara Malaysia dan Indonesia di Universitas Sumatera Utara (USU) pada 11 hingga 14 Mei lalu.

Turut mengiringi lawatan ini ialah Ketua Timbalan Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM Zainudin Ahmad, Pegawai Kebudayaan UTeM, Amir Ali serta pensyarah-pensyarah dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI).

Menurut Pengarah Program, Hareshwara Ruban a/l Subramaniam, lawatan ini turut dipenuhi dengan agenda seperti wacana, perbincangan, persembahan kebudayaan, wawancara serta lawatan ke tempat menarik disekitar Medan, Parapat, Tebing Tinggi, Permatan Siantar, Danau Toba dan Berastagi.

Antara panel bagi program wacana tersebut adalah Prof. Madya Dr. Raja Roslan b. Raja Abd. Rahman pensyarah PBPI dan Drs. Humaizi MA, Dekan Ilmu Sosial dan Politik USU





# PROGRAM PINTAR SIRI II/2010 STAF PEJABAT BENDAHARI REDAH LAUTAN PORT DICKSON



**21 – 23 Mei 2010** : Kali ini giliran staf Pejabat Bendahari terlibat dalam Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) Siri II yang diadakan di Port Dickson baru-baru ini.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan hadir merasmikan program tersebut. Melalui ucapannya, beliau menyeru semua peserta agar menghayati semua aktiviti yang dijalankan dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari sekembalinya ke universiti nanti.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung. Aktiviti wajib PINTAR iaitu berakit memberi cabaran getir pada kali ini apabila peserta terpaksa menempuh ombak laut Selat Melaka untuk menamatkan perlumbaan.

Turut dimuatkan semasa program berlangsung ialah kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian.

## UTeM PRIHATIN DALAM MERINGANKAN KESENGSARAAN DI PALESTIN



**5 Mei 2010** : Majlis Penyerahan Dana Haluan Palestin telah berlangsung hari ini bertempat di Kampus Induk UTeM. Program ini merupakan kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Tabung Dana Palestin yang telah diadakan sebelumnya.

Program di bawah kerjasama Haluan Palestin yang merupakan badan bukan kerajaan yang turut bekerjasama erat dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Jabatan Perdana Menteri dan juga Wisma Putra, Kementerian Luar yang komited membantu mangsa-mangsa bencana dan kekejaman secara sukarela dan telus.

Menurut Penasihat program ini Ustaz Radzuan bin Nordin yang juga merupakan Pengarah Pusat Islam UTeM, objektif program ini adalah untuk menyalurkan bantuan dana Palestin kepada pihak yang sebenar dan sah dalam menyalurkannya terus kepada penduduk Palestin.

Majlis disempurnakan dengan penyerahan cek hasil kutipan berjumlah lebih RM 11,000 yang disampaikan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan kepada wakil Haluan Palestin.

## SKOR A LEMBAGA TABUNG HAJI – UTeM MELENGKAPKAN PERSIAPAN PELAJAR SPM



**16 Mei 2010** : Bagi memantapkan persediaan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini, Lembaga Tabung Haji Malaysia dan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan seminar SKOR A SPM bertempat di UTeM baru-baru ini.

Seramai 300 orang calon SPM dari sekitar negeri Melaka telah menghadiri seminar ini. Dengan adanya program sebegini para pelajar tersebut telah mendapat bimbingan, tunjuk ajar dan panduan terbaik untuk mencapai kejayaan dalam peperiksaan SPM nanti.

Para pelajar juga turut mendapat suntikan semangat dari Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Datuk Md Yunus Hussin yang hadir merasmikan program ini.

Dalam ucapannya, beliau menyeru supaya para pelajar bersungguh-sungguh dalam proses persediaan menghadapi peperiksaan SPM nanti dan yakin semua pelajar mampu untuk mencatat keputusan cemerlang setanding dengan rakan-rakan lain yang berada di seluruh Malaysia.

### BERITA KELAHIRAN MEI 2010

Nama staf : Mahathir Mohd Bin Habib Mohd (Pejabat Bendahari)  
Nama anak : Muhammad Habib Daniel Bin Mahathir Mohd  
(30 Mei 2010)

Nama staf : Siti Suhailin Binti Mohd Sidek (Pejabat Bendahari)  
& Mohd Rizuan Baharon (FTMK)

Nama anak : Nur Faiqah Dayana Binti Mohd Rizuan (12 Mei 2010)

Nama staf : Razali Bin Kasim (Pejabat Bendahari)  
Nama anak : Nur Syazreen Binti Razali (7 Mei 2010)



Nur Faiqah Dayana

### SELAMAT PENGANTIN BARU

Berita@UTeM mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada pasangan pengantin dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) iaitu **Mohd Irwan bin Mohd Azmi dan Nadlene binti Razali** yang telah selamat diijabkabulkan pada **22 Mei** lalu.





# Personaliti Pilihan



**TAJUL ARIFFIN BIN ABDULLAH**  
KETUA JABATAN REKABENTUK PEMBUATAN

Anak jati Tapah, Perak ini memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2007 sebagai Pensyarah Kanan. Beliau bergiat aktif menyelaras aktiviti kemasyarakatan di peringkat jabatan mahupun fakulti yang melibatkan staf mahupun pelajar. Kegiatan tersebut telah membawa beliau hampir ke seluruh pelusuk negara menabur bakti kepada golongan yang kurang berkemampuan di kawasan pedalaman.

Beliau yang meminati sukan hoki kini memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Rekabentuk di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Meskipun sibuk dengan pelbagai urusan, Tajul seringkali terlibat secara langsung dalam mempromosikan UTeM kepada masyarakat luar. Keramahan beliau ketika di tapak pameran sememangnya menarik minat para pelajar dan ibu bapa untuk mendengar penerangan mengenai khusus-khusus yang terdapat di UTeM.

Sebagai seorang ahli akademik, Tajul sentiasa melayani kerenah pelajar-pelajarnya dengan dengan hati yang ikhlas malah sentiasa menganggap pelajar-pelajarnya sebahagian daripada ahli keluarga beliau. Tajul sentiasa berpegang kepada kata-kata 'Kejayaan seseorang itu bukanlah semata-mata kerana diri sendiri, tetapi kerana orang yang di sekelilingnya'



**AZIZA BINTI MD BUANG**  
PEGAWAI SENIREKA KANAN

Nama beliau sememangnya tidak asing lagi di universiti ini. Merupakan Pegawai Senireka yang pertama, hasil kreativiti beliau mempunyai kelas yang tersendiri. Sentuhan idea dan konsep yang dicoretkan di setiap jenis penghasilan karya kreatifnya telah melonjakkan imej UTeM ke tahap yang lebih tinggi.

Bekas penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) gemar menonton wayang di masa lapangnya. Kata beliau, selain menghilangkan tekanan, aktiviti itu dapat menyuntik idea-idea baru yang boleh digunakan untuk kerja-kerja penerbitan universiti.

Meskipun memikul tanggungjawab yang berat untuk menghasilkan 'artwork' berkualiti tinggi, Aziza sentiasa fokus terhadap tugas dan amanah yang diberikan kepadanya. Beliau yang kini mengetuai Bahagian Komunikasi Korporat percaya bahawa kerja berpasukan amatlah penting untuk melaksanakan sesuatu tugas.



## KEMPEN LAHIRKAN WARGA SIHAT DAN CERGAS DI UTeM

8 Mei 2010 : Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Amalan Gaya Hidup Sihat Cergas (AGHSC) bertempat di Dewan Pusat Sukan UTeM.

Pusat Sukan dan Klinik Pelajar HEPA berganding bahu mengambil langkah proaktif untuk menyemai amalan gaya hidup sihat dan cergas di kalangan warganya. Menurut Pengarah Pusat Sukan UTeM, Hj. Ismail Abdol Jalil berkata, kempen ini diadakan untuk mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat, ceria dan cergas bagi mewujudkan suasana pekerjaan yang unggul.

Klinik Pelajar HEPA akan mengendalikan kempen mempromosikan gaya hidup sihat, manakala Pusat Sukan akan menguruskan komponen kecergasan. Bagi komponen gaya hidup sihat, bakal diadakan beberapa aktiviti 'road show' seperti pemeriksaan kesihatan percuma, klinik menangani stress, pameran kesihatan serta khidmat nasihat mengenai diet yang seimbang.

Sementara itu Pusat Sukan akan mengendalikan aktiviti seperti pameran kecergasan, khidmat nasihat mengenai senaman serta melaksanakan Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) ke atas kakitangan yang berminat mengetahui tahap kecergasan masing-masing.

Pada majlis tersebut, tetamu yang hadir berpeluang mengetahui tahap kecergasan masing-masing melalui sesi UKJK yang diketuai oleh Tn. Hj. Ismail. Kepuasa jelas terpancar di wajah para tetamu setelah mengetahui tahap kecergasan masing-masing meskipun terpaksa berlari sejauh 2.4 km bagi melengkap keperluan UKJK. Poster kempen turut diedarkan kepada wakil-wakil PTJ untuk hebahan seluruh warga UTeM.

